

# Kualiti wanita bantu kemajuan negara

KUALA LUMPUR 6 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad percaya kualiti-kualiti tertentu yang terdapat pada wanita boleh membantu ke arah kemajuan negara.

Oleh itu, tegas beliau pengasingan wanita daripada perniagaan dan perusahaan boleh menghalang kelancaran pembangunan dan kemajuan tersebut.

"Jika wanita dipisahkan dan tidak menyumbang segala aset yang ada pada mereka, maka separuh daripada tenaga kita akan hilang.

"Sebab itu, tenaga wanita mesti digemblengkan secara cermat dalam pengurusan wang.

Dr. Mahathir berkata demikian di Majlis Anugerah Usahawan Wanita Harapan '93, anjuran Persatuan Wanita Bumiputera dalam Perniagaan & Profesion Selangor dan Wilayah Persekutuan (PENIAGAWATI) di sini, malam ini.

Perdana Menteri menambah, di kalangan kaum bumiputera, telah menjadi sebahagian daripada budaya mereka untuk wanita bergerak lebih aktif daripada lelaki dalam bidang perniagaan dan perusahaan.

"Di mana-mana juga kita lihat wanita Melayu umpamanya sibuk berniaga, kadang-kadang dari rumah ke rumah menjaja barang-barang kemas atau kain baju dan kadang-kadang ke pasar.

"Budaya ini memang baik dan harus diteruskan. Hanya yang diperlukan sekarang ialah penyesuaian dengan alam pasaran moden kerana barangan dan khidmat yang dipasarkan kini sudah jauh berubah dan skilnya sudah menjadi jauh lebih besar," katanya.

## [GAMBAR DI MUKA 27]

Beliau berkata, umumnya wanita lebih berdisiplin dan cermat dalam pengurusan wang.

Ini juga, kata Perdana Menteri adalah hasil daripada budaya masyarakat tempatan yang membawa kepada kejayaan kaum wanita.

"Lagipun, perniagaan secara moden tidak mempunyai banyak misteri. Sesiapa sahaja boleh berniaga asalkan sanggup melengkapkan diri dengan ilmu dan maklumat yang diperlukan dan bersedia untuk bekerja kuat mengejar kekayaan dengan disiplin," katanya.

Menurut beliau lagi, memang ada jenis-jenis kerja dan bidang di mana wanita

mempunyai kebolehan yang istimewa. Di sebaliknya ada pula jenis kerja yang tidak sesuai untuk wanita.

"Pendapat moden bahawa untuk persamaan wanita dengan lelaki maka wanita mesti membuat apa sahaja yang dibuat oleh lelaki adalah tidak penting dan tidak boleh diterima lagi.

"Sebenarnya ada bidang-bidang yang mana sehingga kini menjadi 'domain' lelaki sebenarnya boleh disertai oleh wanita, umpamanya bidang kejuruteraan," katanya.

Dr. Mahathir berkata, penyertaan wanita dalam bidang kejuruteraan akan menolong mengisi keperluan tenaga kerja dalam bidang tersebut.

Beliau menambah, langkah untuk memenuhi bidang ini tidak sepatutnya dilakukan sehingga bidang-bidang yang khusus untuk wanita ditinggalkan.

Katanya lagi, negara tidak perlu kepada jenis budaya yang menimbulkan kekeliruan sama ada seseorang itu wanita atau lelaki. Keterluan dalam kecenderungan mengasingkan wanita daripada lelaki hanya akan meningkatkan fokus kepada perkara ini.